

1. Lengkapkan tempat kosong dengan kefahaman nama Allah al Muntaqim.

menolak

kemarau

pembalasan

dakwah

menentang

- 1- Allah memberikan _____ dengan seksaan neraka terhadap orang yang _____
Peringatan al-Quran.
- 2- Kaum Quraisy ditimpakan dengan _____ Panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana menolak _____ Rasulullah.
- 3- Allah memberikan pembalasan terhadap golongan yang _____ agamaNya setelah diutuskan rasul .

2. Tandakan (/) pada perkataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

- 1- Allah Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendakNya. ☐
- 2- Perbuatan Allah boleh dipersoalkan untuk memahami hikmah daripada perbuatan tersebut. ☐
- 3- Allah memberikan pembalasan seksaan neraka kepada mereka yang ingkar perintahNya. ☐
- 4- Kita wajib meyakini semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah. ☐
- 5- Maksud al Jabbar ialah Allah Maha Pembalas dengan menimpakan azab. ☐

3- Isi jawapan yang betul kesan melakukan ajaran sesat.

Agama

Politik

Ekonomi

Kemasyarakatan

- 1- Melemahkan iman dan merosakkan akidah. ☐
- 2- Membentuk masyarakat bersifat mementingkan diri sendiri. ☐
- 3- Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni. ☐
- 4- Melahirkan masyarakat yang malas bekerja. ☐

4- Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

RUKUN HAJI	RUKUN UMRAH
Niat mengerjakan haji	Niat mengerjakan umrah
1-	1.
Tawaf di kaabah	2.
Sai	3.
2-	Tertib pada semua rukun.
3-	

5- Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

1- Kerajaan Khulafa al-Rasyidin adalah kesinambungan daripada negara Islam yang diasaskan oleh

_____.

2- Kerajaan Khulafa al-Rasyidin mengamalkan _____ bagi melicinkan pentadbiran negara Dan rakyat.

3- Peluasan Kawasan Islam terhenti pada zaman khalifah _____ kerana negara huru hara.

4- Khalifah Abu bakar al Siddiq telah memerangi golongan murtad dan nabi _____.

6- Lengkapkan tempat kosong dengan pencapaian pemerintahan Kerajaan Khulafa al-Rasyidin dalam Bidang ekonomi.

pembinaan

terusan

jizyah

cukai

Baitulmal

1- Khalifah Umar al Khattab telah memperkenalkan pelbagai _____ baharu seperti jizyah dan kharja.

2- Khalifah Umar al Khattab memajukan system pengairan dan saliran melalui _____ terusan Amirul Mukminin di Mesir.

3- Khalifah Ali bin Abu Talib telah meneruskan kutipan cukai _____ terhadap golongan zimmi.

7- *Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai (Kerajaan Bani Umayyah dan Abbasiyah).*

- 1- Khalifah yang menjadikan damsyik sebagai pusat pemerintahan yang terkenal ialah _____.
- 2- Khalifah yang menyemarakkan aktiviti keilmuan seperti pengajaran al Quran dan pembukuan hadis ialah _____.
- 3- Sistem pelantikan Khalifah secara _____ telah menimbulkan perebutan kuasa.
- 4- Pusat perkembangan ilmu,kebudayaan dan perdagangan antara bangsa pada zaman kerajaan Abbasiyah ialah _____.
- 5- Khalifah _____ menjadikan Baitul Hikmah sebagai pusat penterjemahan.
- 6- Khalifah _____ yang memindahkan pusat pentadbiran dari Damsyik ke Baghdad.
- 7- Khalifah _____ membina balai cerap sebagai pusat penyelidikan ilmu